**“ISLAM ITU PERPADUAN”**

**(7 Februari 2020/13 Jamadilakhir 1441H)**

---

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ .

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، يَحُثُّ الْمُسْلِمِيْنَ عَلَى الْإِتِّحَادِ وَالْإِلْتِئَامِ، وَيُحَذِّرُهُمْ عَنِ الْإِفْتِرَاقِ وَالْإِنْقِسَامِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ الَّذِىْ وَحَّدَ صُفُوْفَ أُمَّتِهِ عَلَى التَّوْحِيْدِ وَدِيْنِ الْإِسْلَامِ.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِيْنَ وَتَابِعِيْهِمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْحَشْرِ وَالزِّحَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُوْنَ، اِتَّقُوْا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ.

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,**

Marilah kita bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan bersyukur kepada-Nya atas segala rahmat dan nikmat yang dikurniakan kepada kita semua. Semoga kita tetap **istiqamah** dan **iltizam** yang kuat sebagai muslim dan mukmin yang taat dan bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan amal soleh sebagai jaminan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"Islam Itu Perpaduan".**

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Antara nikmat yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba-Nya adalah nikmat perpaduan yang membolehkan setiap orang menjalani kehidupan dalam suasana aman dan sejahtera. Nikmat ini juga mampu membawa umat Islam ke arah kehidupan yang maju dan makmur yang tidak terhingga nilainya. Jusrteru, Islam sentiasa menyeru umatnya supaya bersatu, bekerjasama, dan saling tolong menolong antara satu sama lain.

Antara usaha pertama yang dibuat oleh nabi kita selepas memegang tampuk pemerintahan ialah membina sebuah masjid sebagai satu institusi bagi menyatupadukan umat menerusi ibadat kepada Allah Yang Maha Esa. Hasilnya,

terbentuklah masyarakat yang bersatu-padu dengan ikatan dan kekuatan akidah yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah dan rasul-Nya.

Kaum **Aus** dan **Khazraj** iaitu dua kabilah Arab di Madinah yang sekian lama bermusuhan telah berjaya disatukan oleh baginda SAW dalam persaudaraan Islam yang dilihat dengan kesatuan akidah. Mereka dikenali kemudiannya dengan gelaran **Ansar.** Rasulullah SAW juga berjaya menyatukan golongan **Ansar** ini dengan saudara-saudara mereka kaum **Muhajirin** yang berhijrah dari Makkah ke Madinah.

Kita sedia maklum bahawa perpaduan adalah salah satu faktor penting yang menyumbang kepada kekuatan ummah, manakala perpecahan pula adalah sebaliknya. Di sini dapatlah difahami bahawa perpaduan adalah faktor yang termasuk urusan agama dan amat dituntut dalam Islam. Ini adalah kerana perpaduan amat diperlukan untuk mencapai kepentingan bagi semua orang berlandaskan sikap toleransi, kejujuran dan saling hormat antara satu sama lain. Firman Allah dalam surah al Hujurat, ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

**إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُواْ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ .**

Maksudnya: *“Sebenarnya orang beriman itu adalah bersaudara. Maka damaikanlah antara dua sudara kamu yang (bertelingkah) itu, dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”.*

**Sidang Jumaat Yang DiRahmati Allah Sekalian,**

**“Bersatu Teguh, Bercerai Roboh”.** Inilah pepatah melayu yang menggambarkan perpaduan dalam kalangan masyarakat kita di Nusantara. Suasana dunia hari ini sewajarnya dijadikan pengajaran bahawa perpecahan dalam kalangan umat Islam telah menyebabkan kita semakin lemah dan tidak dihormati. Kezaliman ke atas umat Islam bukanlah sesuatu yang pelik terjadi pada hari ini sama ada secara sembunyi mahupun nyata. Sehingga kini bukan sedikit jumlah umat Islam yang menjadi pelarian, dihalau dari kampung halaman, dibunuh, diperangi dan diperlakukan tanpa belas kasihan.

Oleh itu usaha mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan bertoleransi perlu ditekankan. Ini boleh dicapai sekiranya kita mengikut landasan ajaran al-Quran dan sunnah rasullullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 103:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَٱعْتَصِمُواْ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُواْ ...

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai berai….”*

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,**

Pada zaman kini, pengaruh media massa adalah amat besar. Ia mampu berperanan untuk menyeru ke arah perpaduan ataupun sebaliknya mencetus perpecahan. Persengketaan yang berlaku janganlah dibiarkan lama berdarah. Umat Islam tidak boleh berdiam diri dan berpeluk tubuh sahaja melihat apa yang berlaku di depan mata tanpa mengambil inisiatif untuk mengatasinya, bahkan perlu berusaha menangani masalah ini dan menghubungkan kembali tali persaudaraan antara sesama umat Islam.

Marilah kita bersama-sama membanteras perkara-perkara yang mencemarkan imej umat Islam. Sabda rasulullah SAW dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

**أُنْصُرْ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا، فَقَالَ رَجُلٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْصُرُهُ إِذَا كَانَ مَظْلُومًا، أَفَرَأَيْتَ إِذَا كَانَ ظَالِمًا كَيْفَ أَنْصُرُهُ؟ قَالَ تَحْجُزُهُ أَوْ تَمْنَعُهُ مِنَ الظُّلْمِ فَإِنَّ ذَلِكَ نَصْرُهُ**

Maksudnya: *“Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang di zalimi, lalu seorang bertanya: Wahai rasullulah, kami membantu orang yang dizalimi, bagaimana pula membantu orang yang melakukan kezaliman? Baginda menjawab: Menghalang atau melarang daripada kezaliman, itulah cara membantunya”.*

**Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin menyenaraikan beberapa langkah:

**Pertama:** Semua pihak perlu mengikhlaskan hati untuk menuntut keredhaan Allah tanpa sebarang agenda yang tersembunyi untuk mendapat sesuatu kepentingan sama ada peribadi, politik, atau lainnya.

**Kedua:** Mengurangkan (polemik) berpolitik. Semua pihak hedaklah berusaha dengan jujur dan ikhlas ke arah menjayakan agenda Islam yang memberi kebaikan untuk semua.

**Ketiga:** Umat Islam yang berkecimpung dalam bidang politik hendaklah memelihara batas-batas agama. Janganlah bertindak tanpa mempertimbangkan perpaduan ummah.

**Keempat:** Setiap individu muslim hendaklah melihat sesuatu perkara dengan fikiran yang matang, berlapang dada dan tidak menggunakan sentimen kepartian semata-mata.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

**وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ**

Maksudnya: *"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya, dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa".*

**بَارَكَ اللَّهُ لِىْ وَلَكُمْ فِى القُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِى وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّى وَمِنْكُم تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيمُ. أَقُوْلُ قَوْلِى هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِى وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْن وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.**

# خطبة كدوا

## (Bulan Februari 2020)

---

اَلْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَهْدِيْهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُوْرِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلاَ مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلْ فَلاَ هَادِىَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَن لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِيْنَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُوْنَ! إِتَّقُواْ اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya ialah dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf.**

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih

sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَن تَنَالُواْ ٱلۡبِرَّ حَتَّىٰ تُنفِقُواْ مِمَّا تُحِبُّونَۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ بِهِۦ عَلِيمٞ ٩٢

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakilkan kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu

usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Institusi masjid juga dapat berperanan memperkasakan ibadah waqaf ini dengan menyumbangkan misalnya 10% hasil dari kutipan Jumaat kepada pihak Majlis Agama Islam pada setiap bulan. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:

صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أو عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat al-Bukhari)

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوْذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ

**إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾**

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada nabi ﴿Muhammad SAW﴾ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

**اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.**

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَرِنَا الْحَقَّ حَقّاً وَارْزُقْنَا التِّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلاً وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِيْنَةَ وَالسَّلاَمَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى مَلِكِنَا، كباوه دولي يڠ مها موليا  سري ڤادوك باكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ ك-انم بلس، اَلسُّلْطَانْ عَبْدُ اللَّه رِعَايَةُ الدِّيْن اَلْمُصْطَفَى بِاللَّه شَاه اِبْنِ المَرْحُوم سُلْطَانْ حَاجِ أَحْمَدْ شَاه اَلْمُسْتَعِيْن بِاللَّه، وكذلك مولانا توان يڠ تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عباس يڠ دڤرتوا نكري ڤولاو ڤينڠ.

ربَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيْتَآءِ ذِيْ الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ. فَاذْكُرُوْا اللَّهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.